



UiTM@Media **2016**

Siswa Cemerlang



UiTM@Media
2016

Nurul Nabilah pelajar keenam terbaik dunia

➔ Penuntut
UiTM dianugerah
Prize Winner
bagi Kertas
P2 Laporan
Korporat ACCA

**Oleh Meor Ahmad Nasriin
Rizal Ishak**
meor.ahmad@bh.com.my

✦ **Kuala Lumpur**

Pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, Nurul Nabilah Abdul Jalil, 21, meraih tempat keenam terbaik dunia selepas dianugerahkan Prize Winner bagi Kertas P2 Laporan Korporat, Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (ACCA), pada Jun lalu.

Pelajar program ACCA, Fakulti Perakaunan itu, perlu bersaing dengan pelajar terbaik dari dalam dan luar negara menduduki tempat pertama di Malaysia selepas memperoleh markah tertinggi untuk kertas sama.

Nurul Nabilah berkata, kejayaan cemerlangnya hasil usaha gigih, termasuk keluarga dan tenaga pengajar yang banyak memberi dorongan, sokongan serta tunjuk ajar dalam program ACCA.

Bagi Nurul Nabilah, restu dan doa ibu bapa juga penting jika ingin berjaya dalam kehidupan.

“Saya dikelilingi keluarga yang banyak membimbing untuk lebih berjaya. Ahli keluarga mempunyai latar belakang dalam bidang perakaunan juga banyak membantu dan menguatkan semangat untuk saya berjaya.

“Syukur dengan kejayaan ini dan semua usaha yang dilakukan sebelum ini rasa terbalas selepas mendapat keputusan cemerlang Kertas P2,” katanya di Balai Berita, The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP), di sini, semalam.

Sentiasa bersemangat, fokus

Ditanya rahsia kejayaannya, beliau berkata, gemar bertanyakan soalan dan sentiasa hadir ke kelas menjadi keutamaan dalam memastikan dirinya tidak ketinggalan dalam pelajaran.

“Saya kerap belajar secara berkumpulan, ulang kaji sendiri dan berjumpa pensyarah untuk mendapatkan teknik serta panduan sekiranya terdapat soalan yang sukar dan susah difahami.

“Saya sentiasa bersemangat dan tidak pernah mengalah serta fokus dalam apa yang diusahakan adalah faktor utama keputusan cemerlang ini,” katanya.

Beliau yang juga pelajar tajaan Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera itu turut meraih anugerah Naib Canselor UiTM ketika menamatkan pengajian program profesional Persijilan Akauntan Teknikal (CAT) pada Jun 2014.

Beliau kini melanjutkan dua lagi kursus ACCA terakhir iaitu P4 Pengurusan Kewangan Lanjutan dan P6 Percukaian Lanjutan yang dijangka akan menamatkan pengajian pada Disember ini.

**BERSAMBUNG
DI SEBELAH**



Kejayaan cemerlang saya hasil usaha gigih, termasuk keluarga dan tenaga pengajar yang banyak memberi dorongan, sokongan serta tunjuk ajar dalam program ACCA. Semua usaha yang dilakukan sebelum ini rasa terbalas selepas mendapat keputusan cemerlang Kertas P2”

Nurul Nabilah Abdul Jalil,
Pelajar program ACCA,
Fakulti Perakaunan



Info

BIODATA

→ **Nama:** Nurul Nabilah Abdul Jalil
→ **Umur:** 21 tahun
→ **Asal:** Johor Bahru
→ **Kedudukan dalam keluarga:** Anak ketiga

daripada lima adik-beradik
→ **Pencapaian:** Penilaian Menengah Rendah 8A, Sijil Pelajaran Malaysia (8A+ dan 2A)

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

